

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN MODEL TERBARU PROTON

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR(KL)

TARIKH: 21 MAY 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (PROTON) dan Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) kerana menjemput saya dan isteri saya ke majlis ini untuk melancarkan model terbaru Proton, kereta nasional Malaysia.

2. Pelancaran model terbaru Proton ini merupakan satu lagi detik sejarah dalam perkembangan dan kemajuan industri kereta negara. Ia merupakan satu kebanggaan dan kejayaan Malaysia yang telah membuktikan kemampuannya menerokai teknologi canggih dalam industri otomobil melalui satu proses perancangan, penyelidikan dan pembangunan serta kepakaran kejuruteraan yang dimiliki oleh tenaga kerja yang terdiri daripada kalangan anak-anak tempatan terutama di Proton.

3. Saya telah difahamkan bahawa projek untuk melahirkan model terbaru Proton ini telah memakan masa, tenaga serta pelaburan yang banyak dan telah bermula semenjak empat setengah tahun yang lalu. Hasilnya tentu mengagumkan dan tuan-tuan dan puan-puan boleh lihat sendiri model terbaru Proton ini sebentar lagi.

4. Untuk melambangkan keteguhan, kekuatan, kuasa, serta kualiti maka kereta nasional generasi kedua ini dipanggil dengan nama 'PROTON WIRA'. Proton generasi baru ini lebih aero-dinamik, berciri moden, canggih dan dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang lebih baik untuk penumpang. Saya pasti PROTON WIRA setaraf dengan kereta yang sama kelas dengannya di pasaran antarabangsa dan sudah tentu memberikan 'top value for money'.

5. Kerajaan gembira projek kereta nasional telah mencapai kejayaan demi kejayaan. Projek kereta nasional ini telah memberikan banyak faedah kepada negara dalam pembangunan industri hiliran terutama dalam pembuatan komponen kereta, perpindahan teknologi, pemasaran, pembangunan tenaga kerja mahir serta peningkatan penyertaan Bumiputera dalam industri kereta.

6. Sekarang terdapat lebih daripada seratus syarikat tempatan melibatkan diri dalam pembuatan dan pembekalan lebih daripada seribu dua ratus jenis komponen kereta Proton. Kandungan tempatan di dalam kereta nasional turut

meningkat kepada 80 peratus sekarang. Saya berharap peratusan kandungan tempatan ini akan dapat ditingkatkan lagi ke paras yang lebih tinggi di masa akan datang.

7. Pelancaran model terbaru ini juga melenyapkan berbagai-bagai anggapan negatif mengenai keupayaan rakyat Malaysia untuk menerima pindahan kemahiran berteknologi tinggi. Model terbaru Proton ini adalah hasil ciptaan, penyelidikan, rekaan serta usaha rakyat Malaysia. Lebih daripada itu, penyesuaian kilang Proton dan alat-alatnya untuk mengeluarkan kereta hari ini adalah juga hasil usaha jurutera dan pekerja tempatan. Dengan ini sebahagian daripada matlamat Kerajaan untuk meningkatkan keupayaan tempatan dalam bidang 'engineering' termasuk 'production engineering' sudahpun tercapai.

8. Proton haruslah meningkatkan usaha Penyelidikan dan Pembangunannya (R&D) untuk memastikan kereta nasional terus berkemampuan menandingi prestasi kereta lain di pasaran antarabangsa. Proton harus berupaya membuat perubahan kosmetik terhadap model-model kereta nasional, bahkan mencipta sepenuhnya model-model baru bagi memberi kepuasan kepada pembeli yang selalu bertukar citarasa.

9. Kereta Proton telah berjaya menembusi pasaran di banyak negara. Kualiti kereta nasional yang tinggi sudah terbukti dengan enam anugerah emas yang dimenangnya di pameran antarabangsa di United Kingdom. Banyak negara kini telah menunjukkan minat untuk mengimport kereta nasional. Kerajaan berharap dengan adanya PROTON WIRA ini, usaha mencari pasaran baru dapat dipertingkatkan lagi. Untuk ini Proton perlu menambah keupayaannya mengeluarkan lebih banyak kereta di samping menerokai pasaran-pasaran baru. Pengeluaran model pemandu sebelah kiri atau 'left-hand drive' amatlah penting bagi menjayakan usaha ini.

10. Kejayaan sesebuah perniagaan adalah juga bergantung kepada perkhidmatan lepas jualannya atau 'after-sale service'. Kepercayaan pengguna terhadap sesuatu barangan itu biasanya bergantung kepada keupayaan pengedar atau penjualnya menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan, nasihat, panduan dan pembaikan barangan yang dijualnya. Perkhidmatan ini amatlah penting bagi industri kereta. Justeru itu, EON mestilah sentiasa memberikan perkhidmatan lepas jualan dan layanan yang baik kepada pelanggan untuk memastikan kereta-kereta Proton terus mendapat tempat dalam pasaran tempatan.

11. Kini terdapat lebih daripada 400,000 kereta Proton di jalanraya seluruh negara. Ini membuka peluang untuk satu lagi industri yang penting -- iaitu industri 're-conditioning' kereta lama. Dengan adanya industri ini, kereta yang telah dipakai bukan sahaja akan mempunyai kualiti yang baik, tetapi ada kemungkinan ianya juga dieksport jika harganya berpatutan. Adalah penting kereta terpakai hendaklah dibaikpulih terlebih dahulu supaya ianya tidak menjadi punca kemalangan di jalanraya.

12. Walaupun kapasiti pengeluaran kilang Proton sudah ditingkatkan kepada 120,000 buah setahun daripada 80,000 buah setahun, daripada minat yang ditunjukkan oleh banyak negara yang belum mengimport kereta Proton, peningkatan kapasiti yang lebih adalah diperlukan. Jika model pandu sebelah kiri dikeluarkan, banyak pasaran luar yang baru yang menggunakan kereta jenis ini boleh dijadikan sasaran pemasaran Proton.

13. Saya berharap Proton akan memberi perhatian yang serius kepada eksport dan menyediakan diri untuk maksud ini. Dengan meningkatkan 'volume' bukan sahaja 'economies of scale' akan tercapai, tetapi juga industri sampingan dan sokongan akan berkembang dengan lebih pesat. Dengan itu, Malaysia boleh menjadi pembekal komponen-komponen kepada industri otomobil di negara-negara lain.

13. Saya percaya PROTON WIRA yang bermutu tinggi ini, dengan harga yang berpatutan di samping mempunyai lebih keselesaan dan ciri-ciri keselamatan yang menjamin, akan mendapat tempat di hati rakyat Malaysia dan sambutan hebat daripada pembeli-pembeli.

14. Akhir kata, saya dengan sukacitanya melancarkan kereta 'PROTON WIRA' dengan rasminya.